



Mohd Muazzam bergambar bersama pemenang pada majlis penyampaian hadiah kempen Al-Awfar di Kuala Lumpur, semalam.

Al-Awfar Bank Islam rekod saiz dana RM4 bilion

Produk pelaburan inovatif lahir 28 jutawan sejak 2009

Oleh Sri Ayu Kartika Amri
bhbiz@nsp.com.my

Lebih sedekad di pasaran, akaun pelaburan inovatif Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam), Al-Awfar berjaya merekodkan saiz dana berjumlah RM4 bilion menerusi 924,615 akaun setakat 9 September 2020 berbanding RM2.93 bilion direkodkan Januari lalu.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Mohd Muazzam Mohamed berkata, lebih membanggakan menerusi akaun Al-Awfar baharu, Bank Islam sudah melepas sasaran saiz dana RM732 juta yang disasarkan bagi tahun ini.

Katanya, peningkatan memberangsangkan ini menunjukkan keyakinan pelanggan terhadap produk Al-Awfar.

"Setakat ini, kami telah berjaya menjana sebanyak RM1.1 bilion saiz dana melepas yang disasarkan sepanjang 2020.

"Bagi 2021, sasaran kami adalah untuk meningkatkan jumlah dana sebanyak RM913 juta dan kami yakin jumlah ini dapat dicapai,"

katanya kepada media pada majlis penyampaian hadiah kempen Al-Awfar di Kuala Lumpur, semalam.

Katanya, Al-Awfar adalah akaun pelaburan inovatif berisiko rendah dan berdasarkan konsep Mudarabah iaitu perkongsi-an untung yang mana dannya dilaburkan dalam portfolio pembiayaan perumahan dan aset tetap sedia ada bagi memastikan pelaburan yang ku-kuh.

Beliau berkata, Al-Awfar memberi peluang kepada pelanggan untuk memenangi hadiah wang dan gan-jaran bernilai lebih RM15 juta setahun.

Sejak diperkenalkan pada 2009, Bank Islam sudah melahirkan seramai 28 jutawan Al-Awfar setakat ini. Produk Al-Awfar kini memberi peluang lebih kepada 10,000 pemenang dengan 31 pemenang di setiap negeri bagi setiap bulan, tidak termasuk hadiah suku tahunan dan undian is-timewa.

Sempena majlis itu, Bank Islam meraikan tujuh pemenang bagi kempen Al-Awfar setakat Jun 2020 yang terdiri daripada kategori Cabutan Al-Awfar Mac dan Jun serta Cabutan Khas Al-Awfar Jun 2020 dengan nilai keseluruhan hadiah disampaikan kepada pemenang hampir RM3 ju-ta.

Dua pelanggan terpilih dari Kedah diumumkan sebagai Jutawan Al-Awfar iaitu Abdul Hamid Abdul-lah dari Sungai Petani dan Mohamad Hasan Mohamed Rawther dari Ba-ling, Kedah.

Kedua-duanya tidak da-pat hadir pada majlis berkenaan atas faktor kesela-matan ekoran peningkatan kes COVID-19 di Kedah.

Selain itu, turut diraikan pada majlis berkenaan, em-pat pemenang kategori Ca-butuan Khas iaitu Erwan Fe-isal Tolos, membawa pu-lang Mercedes-Benz C200 Avant-Garde, manakala Amirahman Abas, Azmi Ismail dan Hashimah Ismail masing-masing membawa pulang kereta Mazda CX-5.

Sementara itu, Mohd Muazzam berkata, pihaknya menerima kira-kira 10,000 permohonan lan-jutan moratorium memba-bitkan segmen peruncitan bagi tempoh Ogos sehingga setakat semalam.

Katanya, pihaknya turut menjangkakan jumlah itu akan terus meningkat dalam tempoh dua minggu akhir bulan ini.

Sehubungan itu, beliau meminta pelanggan yang masih terjejas akibat CO-VID-19 agar segera meng-hubungi bank untuk me-ngatur penyelesaian ter-baik berikutnya tempoh moratorium enam bulan akan berakhir hujung bu-lan ini.